

## GURINDAM BEBERAPA PETUA HIDUP

Tema : Nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pegangan dalam kehidupan sehari-hari.

RANGKAP	GURINDAM	MAKSUD	PERSOALAN	NILAI	PENGAJARAN
Rangkap	<p><b>FIKIR DAN KATA</b> Kurang fikir, kurang siasat, Tentu dirimu kelak tersesat.</p> <p>Fikir dahulu sebelum berkata, Supaya terelak silang sengketa.</p> <p>Perkataan tajam jika dilepas, Ibarat beringin, racun dan upas.</p> <p>Kalau mulut tajam dan kasar, Boleh ditimpa bahaya besar.</p>	<p>Manusia yang kurang berfikir dan kurang menyelidik terlebih dahulu menyebabkan diri kita mudah membuat kesilapan.</p> <p>Berfikir panjang sebelum mengeluarkan kata-kata dapat mengelakkan perselisihan faham sesama manusia.</p> <p>Kata-kata yang kesat dan kurang sopan akan menyakitkan hati, (ibarat racun yang membawa mudarat).</p> <p>Sekiranya seseorang berbicara dengan kata-kata yang pedas dan kurang sopan pasti teretus perbalahan dan seterusnya kita akan ditimpa pelbagai masalah</p>	<p>Persoalan tentang kepentingan berfikir sebelum bertindak</p> <p>Persoalan tentang menjauhi persengketaan.</p> <p>Persoalan tentang menjaga pertuturan.</p> <p>Persoalan tentang kesan kata-kata</p>	<p>Hemah tinggi</p> <p>Sopan santun</p> <p>Berhati-hati</p>	<p>Kita perlulah berfikir dahulu sebelum mengeluarkan kata-kata.</p>
Rangkap	<p><b>SILANG SENKETA</b> Siapa menggemari silang sengketa, Kelaknya pasti berdukacita.</p> <p>Silang selisih jangan dicari,</p>	<p>Manusia yang suka bergaduh dan berselisihan faham akan hidup dalam kesedihan.</p> <p>Manusia jangan memulakan sengketa tetapi jika terlibat juga</p>		<p>Rasional</p> <p>Keberanian</p>	

	Jika tersua janganlah lari.	hendaklah berusaha untuk mencari jalan penyelesaian dan bukannya mengelak masalah tersebut.		Bertanggung jawab	
Rangkap	<b>ILMU</b> Jikalau ilmu tiada sempurna, Tiada berapa ia berguna.  Ilmu kepandaian boleh dikejar, Asal mahu rajin belajar.	Ilmu yang tidak dipelajari secukupnya tidak dapat memanfaatkan kita.  Ilmu pengetahuan dan kemahiran boleh dituntut selagi rajin untuk menuntut ilmu.	Persoalan tentang pentingnya menuntut ilmu pengetahuan.	Kegigihan  Kerajinan	Kita hendaklah rajin belajar dan menuntut ilmu supaya bermanfaat untuk diri sendiri.
Rangkap	<b>DUNIA PERGAULAN</b> Dunia ini taman pergaulan, Hendaklah pilih sahabat dan taulan.  Manusia dikenal sifat budinya, Dengan dilihat siapa kawannya.  Burung yang sama corak dan bulu, Selalu sekumpul ke hilir ke hulu.	Dunia ini mengandungi pelbagai kerenah dan sifat manusia oleh itu kita hendaklah bijak memilih orang yang baik untuk dijadikan kawan.  Keperibadian seseorang dapat dikenal pasti melalui budi bahasa, pergaulannya dan kawannya.  Biasanya seseorang itu gemar bergaul dengan kelompok yang mempunyai banyak persamaan dengan dirinya.	Persoalan tentang menjaga adab dalam pergaulan.  Persoalan tentang keperibadian pergaulan melalui rutin harian seseorang	Kebijaksanaan  Sopan santun	Kita mestilah bijak memilih sahabat.  Kita hendaklah menjaga tingkah laku dan budi pekerti dalam pergaulan.
Rangkap	<b>SIFAT-SIFAT YANG BAIK</b> Jikalau kamu bersifat budiman, Dipandang sebagai bunga di taman.	Seseorang yang berbudi, berakal dan bijaksana akan dihormati dan dipandang mulia oleh masyarakat.	Persoalan tentang sikap berbudi bahasa.  Persoalan tentang sifat	Berbudi bahasa  Keikhlasan	Kita hendaklah bersikap

	<p>Jikalau kamu bersifat dermawan, Segala orang dapat kautawan.</p> <p>Jikalau kamu bersifat pemurah, Segala manusia datang menyerah.</p>	<p>Orang yang suka merderma dan tidak kedekut akan sentiasa disenangi orang di sekelilingnya.</p> <p>Seseorang yang suka memberi akan memudahkannya mendapat bantuan dan pertolongan.</p>	<p>pemurah</p>	<p>Murah hati</p> <p>Bantu-membantu</p>	<p>pemurah dan dermawan.</p>
<p>Rangkap</p>	<p><b>PERBUATAN YANG BAIK</b> Barang siapa berbuat jasa, Mulia namanya segenap masa.</p> <p>Menolong sesama wajib dan perlu, Tetapi tolonglah dirimu dahulu.</p>	<p>Orang yang melakukan kebaikan dan berbakti, namanya akan dikenang dan disanjung setiap masa.</p> <p>Seseorang itu mesti membantu seseorang tetapi perlulah membantu diri sendiri terlebih dahulu.</p>	<p>Jasa yang baik akan dibalas baik</p> <p>Kepentingan sifat bantu-membantu</p>	<p>Mengenang jasa</p> <p>Tolong-menolong</p>	
<p>Rangkap</p>	<p><b>SIFAT-SIFAT YANG JAHAT</b> Telunjuk lurus kelengkeng berkait, Hati sesama menjadi pahit.</p> <p>Barang siapa berbuat khianat, Tuhan kelak memberi laknat.</p>	<p>Seseorang yang pada zahirnya baik tetapi hatinya jahat boleh menyebabkan hubungan manusia tidak harmoni.</p> <p>Seseorang yang suka berbuat jahat akan mendapat balasan Tuhan pada kemudian hari.</p>			

### Gaya Bahasa :

1. Repetisi – Kurang fikir, kurang siasat
2. Sinkof – Tentu dirimu kelak tersesat  
Segala orang kautawan  
Tetapi tolonglah dirimu dahulu
3. Simile – Ibarat beringin, racun dan upas  
Dipandang sebagai bunga di taman
4. Responsi – Silang selisih jangan dicari,  
Jika tersua janganlah lari.
5. Metafora – Dunia ini taman pergaulan

6. Imej – Burung sama corak dan bulu  
Dipandang sebagai bunga di taman
7. Inversi – Mulia namanya segenap masa
8. Peribahasa – Telunjuk lurus kelengkeng berkait

### Unsur bunyi :

- Asonansi – Perkataan tajam kalau dilepas
- Aliterasi – Supaya terelak silang sengketa

**SELOKA BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU**  
**Za'ba**

**Tema : Kesetiaan kepada Raja**

<b>RANGKAP</b>	<b>SELOKA</b>	<b>MAKSUD</b>	<b>PERSOALAN</b>	<b>NILAI</b>	<b>PENGAJARAN</b>
Rangkap 1	Baginda menitahkan orang besar empat Membuat istana puri berkota Lalu dipanggil Pawang Raja Pawang mengarah orang bekerja Empat puluh empat tukang dan utas Siang dan malam tidak berhenti	Raja menitahkan orang besar empat untuk membina istana berkota. Orang besar empat lalu memanggil Pawang Raja dan beliau mengerahkan empat puluh empat tukang yang pandai, bekerja tidak berhenti siang dan malam	Kepatuhan kepada arahan ketua	Kepatuhan, Tanggungjawab	Kita mestilah patuh kepada arahan ketua.  Kita haruslah bertanggungjawab terhadap tugas yang diberi
Rangkap 2	Tujuh bulan tujuh purnama Istana siap dengan alatnya Besar tersergamsembilan ruang Sepuluh dengan rebat gantung Sebelas dengan pancung serong Dua belas dengananjung tinggi	Selepas tujuh bulan, siaplah istana dengan segala kelengkapannya. Istana itu sangat besar dan mempunyai Sembilan ruang, sepuluh rebat gantung, sebelas pancung serong dan dua belas anjung tinggi.	Kegigihan dalam melakukan tugas	Kegigihan,	Kita mestilah rajin dalam melakukan setiap pekerjaan.
Rangkap 3	Tiga sudut menteri delapan Tiang panjang maharaja lela Tiang tengah syukur menanti Galang-galangnya ular berang Kasau kecil puteri menyembah Kasau lentik helang berbega	Terdapat juga tiga sudut menteri delapan, tiang panjang maharaja lela dan tiang tengah syukur menanti. Galang-galangnya ular berang, kasau kecil puteri menyembah dan kasau lentik helang berbega	Ketelitian dalam reka bentuk istana	Ketelitian	Kita perlulah teliti dalam melakukan sesuatu perkerjaan agar hasilnya akan menjadi baik

Rangkap 4	Berbunga sawa mengelempai Bertakuk bersedeling gam Berjenang berbatu kawi Berselimpat ukir Jawa Lilit-melilit akar Cina Garam sebuku sisa jeragan Bunga kenanga dimakan ular Layang-layang di pintu Raja	Keindahan seni bina istana tersebut terletak pada ukiran dinding istana seperti berbunga sawa terlentok, bertakuk bersedeling gam dan berjenang berbatu kawi. Terdapat juga pengaruh ukiran Cina dan Jawa	Kehalusan seni ukiran dan keunikan seni bina	Ketelitian	
Rangkap 5	Istana siap tukang pun mati Tiada orang dapat meniru Dipersembahkan kepada baginda suami isteri	Sebaik-baik sahaja istana itu siap, tukang yang ditugaskan untuk membina istana itu telah meninggal dunia. Tiada seorang pun tukang yang lain dapat meniru kehebatannya menghasilkan seni ukiran dan corak tersebut. Kemudiannya istana tersebut diserahkan kepada raja.	Persoalan tentang keistimewaan bakat/kebolehan dalam bidang tertentu		

### Gaya Bahasa

1. Klasik - *utas*
2. Repitisi - *Tujuh* bulan *tujuh* purnama
3. Responsi - Sepuluh *dengan* rebat guntung  
Sebelas *dengan* pancung serong  
Dua belas *dengan* anjung tinggi
4. Personifikasi - *syukur menanti*
5. Kata ganda - *galang-galanganya, lilit-melilit, layang-layang*
6. Anafora - *Kasau* kecil puteri menyembah  
*Kasau* lentik helang berbega

**SAJAK SEJADAH RINDU**  
**Mohd. HaikalAminuddin**

**Tema**

**Ketuhanan serta ketaatan kepada agama.**

Penyajak insaf akan dosa-dosanya yang lalu. Lantas, penyajak memohon keampunan dengan bertaubat bersungguh-sungguh sebelum penyajak meninggal dunia. Hal ini demikian kerana penyajak berasa insaf dan sedar bahawa dunia ini hanya bersifat sementara.

RANGKAP	SAJAK	MAKSUD	PERSOALAN	NILAI	PENGAJARAN
Rangkap 1	Terkedu aku di sejadah rindu mengungkap kalimah syahdu bait bicara tersentuh kalbu merekah keinsafan di hati yang beku mengenang dosaku yang terdahulu.	Penyajak seperti kehilangan kata-kata ketika berada dalam keadaan beribadat / bermunajat / bermuhasabah diri / mengadu kepada Tuhan sambil mengucapkan perkataan yang memuji kebesaran Ilahi. Kesedaran tentang kesilapan / kesalahan yang lalu muncul satu demi satu dalam hati yang dahulunya tertutup.	Persoalan keinsafan atas segala dosa lalu yang menghantui hidup.	<b>Keinsafan :</b> Penyajak menginsafi dosa-dosanya yang lalu.	Kita hendaklah insaf setelah melakukan kesalahan/ dosa.
Rangkap 2	Berbekal pancaindera anugerah Tuhan kupohon kembali nafas kehidupan dalam keterhadan dan keterbatasan insan moga terbuka ruang keampunan sebelum saat aku dinisankan di masa yang Kautetapkan.	Dengan menggunakan segala pancaindera yang dikurniakan Tuhan, penyajak merayu agar Tuhan menunjukkan dia jalan ke arah kebenaran biarpun akur tentang segala kekurangan dirinya yang ada sebagai manusia biasa. Apa yang diharapkan agar segala taubatnya diterima sebelum beliau meninggal dunia.	Persoalan pengharapan terhadap pengampunan daripada Pencipta sebelum meninggal dunia.	<b>Kegigihan :</b> Penyajak bersungguh-sungguh dan gigih untuk mendapatkan keampunan sebelum meninggal dunia.	Kita hendaklah bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keampunan.

Rangkap 3	Air mata menjadi saksi keikhlasan menjadi bukti akhirnya aku sujud menghadap Ilahi di keheningan yang sepi lafaz taubat mengiringi nafas sebak kian mengikuti.	Penyajak menangis dengan sesungguhnya hati dan dia menyerah diri kepada Tuhan. Dalam suasana hening, penyajak teresak-esak menyatakan keinsafan diri.	Persoalan keikhlasan dalam memohon keampunan daripada Pencipta.	<b>Keikhlasan :</b> Penyajak bertaubat dengan penuh keikhlasan sehingga menitikiskan air mata.	Kita hendaklah ikhlas dalam setiap perbuatan kita.
Rangkap 4	Hati ini luluh jiwa yang kaku tersentuh ayat-ayat cinta disusun kukuh di sejadah rindu yang lusuh kemaafan yang kupohon sungguh dari pencipta dalam gemuruh.	Penyajak berasa sangat sedih dan jiwanya terkesan oleh perasaan insaf yang makin galak menguasai dirinya. Dia memuji-muji keagungan Tuhan di tikar sembahyang yang sudah lama ditinggalkan. Dalam keadaan gementar, dia memohon keampunan daripada tuhan agar dosa-dosanya diampunkan	Persoalan kesungguhan dalam memohon keampunan daripada Pencipta.	<b>Ketaatan :</b> Penyajak taat kepada pencipta dan hanya berharap kepada pengampunan daripada Pencipta.	Kita hendaklah taat kepada pencipta kita.
Rangkap 5	Ungkapan doa pada Yang Esa izinkan aku menjadi manusia yang taat sentiasa pada perintah Maha Kuasa agar aku tidak lupa dunia ini hanya bersifat sementara.	Penyajak memohon kepada Tuhan yang satu agar mengabulkan permintaannya untuk menjadi hamba yang patuh sepanjang hayat, serta supaya dia tidak alpa tentang sifat kehidupan yang fana / tidak kekal.	Persoalan tentang dunia ini yang hanya bersifat sementara.	<b>Kesedaran :</b> Penyajak mempunyai kesedaran bahawa dunia ini bersifat sementara sahaja.	Kita hendaklah sedar bahawa dunia ini bersifat sementara.

Nada :



Bernada **melankolik**.

Gaya Bahasa :

**1. Bahasa Arab :**

- i. kalimah – rangkap 1, baris 3
- ii. Ilahi – rangkap 3, baris 4.
- iii. taubat – rangkap 3, baris 6.

**2. Inversi :**

- i. terkedu aku – rangkap 1, baris 4. Sepatutnya : *Aku terkedu*.
- ii. moga terbuka ruang keampunan – rangkap 2, baris 4. Sepatutnya : *Ruang keampunan moga terbuka*.

**3. Metafora :**

- i. sejadah rindu – rangkap 1, baris 2.
- ii. merekah keinsafan – rangkap 1, baris 4.
- iii. nafas kehidupan – rangkap 2, baris 2.

**4. Sinkof :**

- i. dosaku – rangkap 1, baris 6.
- ii. *ku*pohon – rangkap 2, baris 2.
- iii. *kau*tetapkan – rangkap 2, baris 6.

**5. Resposi :**

- i. Air mata *menjadi* saksi  
keikhlasan *menjadi* bukti

**SAJAK PESAN LELAKI KECIL KEPADA GADIS KAMPUS**

**Tema :**

*Nasihat ibu bapa kepada anak-anak gadis yang akan melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi*

RANGKAP	SAJAK	MAKSUD	PERSOALAN	NILAI	PENGAJARAN
Rangkap 1	Kuhantar kau mengecapi angin baru udara lain dari kampung bendang kuningmu bumantara asing dari yang sering kaumesrai yang sama sekali berbeza dengan suasana suntimu kau nikmatilah angin dan udara ilmu itu memesrai azimat dan tangkal dari tangga gading.	Penyajak menghantar anaknya menghirup udara kehidupan yang baharu di Bandar kerana anaknya akan melanjutkan pelajaran di sana. Oleh sebab suasana dan persekitaran Bandar dan kampung jauh berbeza, penyajak berharap agar anaknya dapat menyesuaikan diri di bandar. Beliau juga mahu anaknya menimba pengalaman baharu di universiti yang bakal mengubah kehidupan anaknya sebagai mahasiswa di universiti	Perbezaan kehidupan di antara kampung dengan kehidupan di menara gading	Berdikari	Kita mestilah memberikan kebebasan kepada anak-anak kita agar mereka mampu untuk berdikari
Rangkap 2	Kulepaskan kau menjadi burung putih dengan sayap berkembang menongkah awan perak dan kabut dingin mengenal kalimat hujan dan bilah petir menyelit antara sembilu nasib dan waras akal.	Penyajak sanggup membenarkan anaknya hidup di bandar untuk meluaskan pengalamannya. Hal ini demikian kerana penyajak mahu melatih anaknya agar tabah menghadapi cabaran dalam kehidupan agar dapat memantapkan diri. Dengan berbuat demikian, pemikiran anaknya menjadi lebih matang dan bijaksana menghadapi segala cabaran dalam kehidupannya sebagai seorang mahasiswa agar dapat berjasa kepada keluarga, bangsa dan negara pada masa hadapan.	Keberanian seorang bapa yang melepaskan anak gadis suntinya untuk menuntut ilmu di menara gading	Keberanian	Kita mestilah membenarkan anak-anak kita melanjutkan pelajaran di tempat lain agar mereka dapat menambahkan pengalaman dalam hidup
Rangkap 3		Penyajak beranggapan bahawa universiti	Kehidupan di	Kecekalan	

	Di awan kampus yang sarat ilmu hadir sihir angin bernafas api di pohon kampus yang tegar status berceracak selumbar noda mengabur fikir di padang kampus yang hijau pertimbangan tumbuh gunung ego menghalau pekerti.	ialah tempat yang kaya dengan ilmu pengetahuan untuk ditimba oleh anak gadisnya. Walau bagaimanapun, penyajak beranggapan bahawa banyak pengaruh negatif juga tersebar luas di sana. Oleh hal yang demikian, penyajak berharap agar anaknya dapat membuat pertimbangan dan keputusan yang terbaik buat dirinya agar dapat mengelakkan sikap negatif seperti sombong.	kampus yang banyak cabaran		Kita mestilah cecal menghadapi dugaan hidup
Rangkap 4	Pandai-pandailah kau terbang menongkah awan mulus dan kabus dingin jangan kau pulang dengan percikan duka dan balutan luka di sayapmu yang patah	Penyajak menasihati anak gadis suntinya agar pandai membawa diri dalam mengharungi kehidupan di universiti. Beliau mengingatkan anak gadis suntinya tidak pulang dengan kekecewaan.	Kemampu mengharungi kehidupan yang sukar.  Harapan ibu bapa untuk melihat kejayaan anak dalam pelajaran	Kerajinan	Kita mestilah rajin belajar

#### Gaya Bahasa

1. Sinkof - *Kuhantar* (aku), *Kau* (engkau)
2. Responsi - kau nikmatilah angin *dan* udara ilmu itu mengenal kalimat hujan *dan* bilah petir
3. Metafora - *sembilu nasib*
4. Inversi - waras akal sepatutnya akal waras  
*Dingin kabus* sepatutnya *kabus dingin*
5. Hiperbola - *angin nafas*
6. Kata ganda - *pandai-pandailah*

#### SAJAK ERTI HIDUP BERERTI

**Tema**

kesunyian hidup yang dilalui oleh golongan warga tua yang sentiasa mendambakan kasih sayang daripada anak-anaknya serta berharap agar anak-anaknya datang menjenguknya.

RANGKAP	SAJAK	MAKSUD	PERSOALAN	NILAI	PENGAJARAN
Rangkap 1	Aku selalu didatangi malam sepi bagai kalung yang melingkari leherku tidak berubah keesokan hari siapa yang akan datang menjengukku keluhan seorang tua sunyi	Penyajak sentiasa kesunyian kerana malam yang dilalui begitu sepi. Bagi orang tua tersebut tiada sesiapa akan menziarahinya pada keesokan harinya dan keadaan itu akan berterusan	Kesunyian hidup pada usia tua	Ketabahan	Kita haruslah tabah menghadapi dugaan hidup agar tidak dirundung rasa putus asa
Rangkap 2	Keheningan tasik kehijauan rumput hanya menjadi bayangan di penjuru ruang zaman cinta dalam rahim dilupai dari sulung ditendang ke bongsu dari angh ditendang ke sulung balik kucari erti hidup menderita mengerang sakit berdiri tanpa ruang	Penyajak membayangkan ketenangan hidup yang pernah dilaluinya pada usia muda. Pada usia tua, penyajak meluahkan rasa kecewa terhadap anak-anak yang kian melupakan ibu yang pernah mengandungkannya. Anak-anak tidak mahu bertanggungjawab menjaga ibu yang sudah tua sebaliknya menghantar dari rumah seorang anak ke rumah seorang anak yang tidak mahu menjaganya dengan lama. Hal ini menyebabkan penyajak berfikir tentang erti kehidupan sebagai ibu yang sebenar kerana dia tidak mempunyai tempat untuk mengadu sakit.	Kasih sayang orang tua yang tidak dihargai oleh anak-anak  Sikap anak-anak yang saling menolak tanggungjawab untuk menjaga orang tua	Kasih sayang  Bertanggungjawab	Ibu bapa mestilah bersikap penyayang terhadap anak-anak supaya kehidupan mendapat berkat.  Anak-anak hendaklah bertanggungjawab dalam menjaga ibu bapa semasa tua agar mendapat keredaan Tuhan.  Kita hendaklah menghargai dan menghormati ibu bapa yang telah banyak berjasa kepada kita
Rangkap	Aku bagi mereka	Penyajak berasa bahawa dirinya	Harapan ibu bapa	Keinsafan	Kita hendaklah berasa

3	tiada makna anakku bakaku baik setia mahupun derhaka semoga disirami benih keinsafan menjadi penawar dalam hati embun cinta atasi angin dingin jangan terpegun ada yang mati ada yang hidup tiada yang kekal kecuali Tuhan.	sebagai seorang ibu seolah-olah tidak bermakna kepada anak- anaknya. Namun, penyajak berdoa agar anak-anaknya diberi keinsafan atas kesilapan yang dilakukan oleh mereka agar tidak terus menjadi anak derhaka supaya duka dihatinya terubat. Penyajak sedar bahawa tiada yang kekal di dunia ini kecuali Tuhan.	kepada anak-anak		insaf dan sedar bahawa kehidupan di dunia hanya sementara.
---	---	--	------------------	--	---

Nada : Melankolik

Gaya Bahasa :

1. Simile - bagai kudung
2. Metafora - keheningan tasik, kehijaun rumput,
3. Hiperbola - cinta dalam rahim dilupai
4. Anafora – **dari** sulung ditendang ke bongsu,  
**dari** angh ditendang ke sulung balik
5. Sinkof – **anakku bakaku**

## SAJAK KUDUP PERANG

## Tema

Kepentingan kewibawaan dan ketokohan pemimpin dalam menerajui sesebuah organisasi

RANGKAP	SAJAK	MAKSUD	PERSOALAN	NILAI	PENGAJARAN
Rangkap 1	Sementara dia bergelar panglima laskar perang; yang terus-menerus membajakan kezaliman – sering mengudupkan putik dendam kita masih perlu berterima kasih kepada jari-jemari takdir kerana membenarkan sepasang mata untuk berlari dengan tangan bergari sempat juga menadah sejambak puisi untuk sehari lagi; sambil bertanya; siapakah pahlawan yang asli?	Penyajak mengatakan bahawa pemimpin perang yang sedang berkuasa akan sentiasa membuat kezaliman dan menyimpan perasaan dendam. Walau bagaimanapun, penyajak masih bersyukur kerana berpeluang menikmati kehidupan sambil mencari-cari pahlawan sejati.	Keadilan dan kesaksamaan selalu digugat oleh pendustaan	Keadilan	Kita haruslah bersikap adil dan saksama supaya tidak melakukan kezaliman
Rangkap 2	Memang kita tidak sempat menjenguk ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus ringkik kuda, gemerincing pedang pusaka dan darah yang tiba-tiba membuak di daerah angkara – perciknya menumbuhkan kelopak rahsia dalam keliru, tertanya-tanya kita tangan mana yang memenggal leher sang pendusta?	Penyajak sedar bahawa kita yang hidup pada zaman ini tidak berpeluang menjadi saksi pertelingkahan antara mereka. Perlbagai kekeliruan tentang kepahlawanan sebenar menyebabkan manusia tertantanya tentang pemimpin sebenar yang benar-benar berkewibawaan mencipta sejarah.	Kekeliruan dalam menyanjung pemimpin sebenar	Rasional	Kita mestilah bijak memilih pemimpin yang benar-benar berwibawa dalam menerajui sesebuah organisasi
Rangkap 3	Andai namamu Tuah, kita masih tidak mahu menyanjungnya pendekar paling gagah kerana takhta setia terbina di istana wangsa bukanlah penjamin kukuhnya pasak saksama sesekali turut direntakan daki pendusta melekatlah selumbar sengsara di tiang maruah kota	Penyajak tidak mahu menyanjung tuah sebagai pendekar paling gagah kerana kesetiaan tuah yang tidak berbelah bahagi terhadap istana. Oleh itu, Tuah tidak akan bersikap saksama walaupun adanya pendustaan sehingga sanggup membiarkan kesengsaraan berlaku di kota.	Usaha untuk mencari kebenaran tentang pahlawan dan pengkhianat	Keberanian	Kita hendaklah berani untuk mencari jawapan yang sahih agar tidak membuat keputusan yang salah

Rangkap 4	Andai namamu Jebat, kita masih tidak menggelarnya sebagai pengkhianat kerana kita masih menangi peta keadilan yang tersirat – nun, karam di lautan kesumat sedang warga memanggilnya keramat	Penyajak juga tidak menganggap Jebat sebagai sebagai pengkhianat kerana dia masih mengingati perjuangan Jebat mempertahankan keadilan. Namun, pengikut Jebat telah beranggapan bahawa Jebatlah pemimpin yang sebenar.		keadilan	
Rangkap 5	Perang pun melecurkan lidah muslihat bercabang lalu bertemu bayu palsu; bertiup dan memindahkan kebenaran pada tempatnya mewarnakan keindahan pada hodohnya menjungkitkan amarah pada damainya teramat lara kita menjahit semula perca-perca bahagia – seperti perawan yang dibungkamkan cinta pertama.	Penyajak menginsafi bahawa peperangan penuh dengan muslihat dan berita palsu yang menghapuskan kebenaran dan membenarkan yang salah. Perang juga membangkitkan keganasan dalam kehidupan yang damai. Oleh itu, usaha untuk membangunkan negara amatlah sukar.	Sifat mementingkan diri dalam kalangan pemimpin  Peperangan membawa kesengsaraan hidup	Keinsafan	Kita mestilah insaf bahawa peperangan dan perbalahan tidak akan mendatangkan kebaikan  Kita hendaklah gigih berusaha untuk membina kebahagiaan supaya hidup lebih bermakna
Rangkap 6	Sehingga senja tiba, kita masih bertengkar tentang siapa pahlawan sebenarnya.	Penyajak sedar bahawa sehingga kini masyarakat masih bertengkar untuk menentukan atau pemimpin sebenar yang benar-benar memiliki ketokohan untuk menerajui sesebuah organisasi			

Nada : Patriotik

Gaya Bahasa :

1. Simile – seperti perawan
2. Metafora – peta keadilan, putik dendam
3. Hiperbola – daerah angkara, selumbar sengsara
4. Sinkof – namamu
5. Inversi – sesekali turut direntakan daki pendusta

# PROSA TRADISIONAL- BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA

## SINOPSIS

Raja Benua Siam mendengar khabar bahawa negeri Melaka masih belum dtakluk oleh mana-mana negeri lalu menyuruh wakilnya menghantar surat sembah. Raja Melaka Sultan Muzaffar Syah enggan menyembah raja Siam. Raja Siam memerintahkan panglimanya Awi Cakri menyerang Melaka. Sultan Muzaffar mendengar khabar tersebut lalu mengarahkan rakyat dari negeri-negeri sekitar dihimpun di Melaka.

Tun Perak membawa orang Kelang bersama-sama anak isteri ke Melaka. Orang Pasai yang berasal dari samudera digelar Sri Armerta kerana kecerdikannya. Sri Armerta memberitahu kepada Tun Perak bahawa ada rakyat dari Kelang mengadu kepada baginda Sultan Muzaffar bahawa Tun Perak telah menganiayainya. Tun Perak diperintahkan supaya menghadap baginda sultan. Tun Perak menyatakan bahawa dia tahu akan tanggungjawabnya untuk menjaga negeri.

Tun Perak sanggup dipecat sekiranya dia dicerca orang. Tun Perak membawa rakyat lelaki dan perempuan dari Kelang supaya mereka dapat berlawan dengan musuh seperti menjaga anak isteri mereka sendiri. Baginda sultan gembira mendengar alasan Tun Perak lalu memerintahkan Tun Perak supaya menetap di Melaka

Siam menyerang Melaka..Siam menyerah kalah .Banyak rakyatnya yang mati. Lalu berundur ke Muar. Semua rakyat negeri jiran pulang ke negeri masing-masing. Sultan Muzaffar terpicat dengan kebijaksanaan Bentara Tun Perak dan dilantik menjadi Perdana Menteri dengan gelaran Paduka Raja. Duduk setaraf dengan Seri Nara Diraja. Anaknyanya Tun Nina Madi diberi gelaran Tun Bijaya Maha Menteri . akan Seri Dapabila

Rakyat Melaka berpecah menjadi dua kumpulan berpihak kepada Paduka Raja (Tun Perak) dan Seri Nara Diraja (Seri Amerta) yang merupakan pemimpin yang hebat. Kedua-dua pemimpin ini sering berselisih pendapat. Keadaan ini merisaukan baginda sultan. Baginda sangat dukacita dan risau khuatir negeri akan binasa kerana tiada muafakat dalam kalangan pemimpin.


Baginda mencari akal yang boleh mendamaikan mereka dengan mencadangkan Seri Nara Diraja mengahwini Tun Rakna Sandari saudara kepada Paduka Raja. Ditolak.dicadangkan Tun Kanaka saudara Bendahara Seri Wak Raja juga ditolak. Dia bersetuju berkahwin dengan Tun Kudu. Oleh itu Sultan telah menceraikan isterinya Tun Kudu. Selepas habis edah Tun Kudu dikahwini oleh Seri Nara Diraja.

Pada zaman kegemilangan itu terdapat tiga orang pembesar yang bijaksana di tiga buah negeri besar iaitu Patih Aria Gajah Mada di Majapahit, Orag Kaya Kanayan di Pasai dan Bendahara Paduka Raja serta Seri Nara Diraja

Lalu Sultan menitahkan Bendahara Paduka Raja bersiap sedia. Seri Bija Diraja yang berasal dari Muntah Lembu digelar Datuk Bongkok telah dititahkan mengiringi Bendahara Raja berlawan dengan orang Siam. Orang Siam

Pada waktu malam, Bendahara Paduka Raja mengarahkan segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api dipasang puntung api sehingga menakutkan orang Siam kerana menyangka buluhbelang Melaka terlalu ramai





## CERPEN CINTA AHMAD MUTAWAKKIL

## SINOPSIS

Pengarang memperkenalkan watak Ahmad Mutawakkil yang muncul secara tiba-tiba di pintu surau kampungnya sebaik-baik sahaja para penduduk selesai menunaikan solat maghrib secara berjemaah. Ahmad Mutawakkil muncul dalam keadaan cedera parah dan pakaiannya dipenuhi dengan darah dan lumpur.

Perkembangan cerpen dimulai dengan pemerihalisan kisah kampung penulis yang telah dipugar (diteroka) oleh poyangnya sejak tiga generasi yang terdahulu. Selepas itu bermula pertengahan tahun 30-an, Tuan Booth sekeluarga telah datang ke kampung itu untuk meneroka belukar dengan mengupah beratus-ratus orang buruh untuk menanam pokok getah. Kemudian diikuti dengan kedatangan 15 keluarga buruh berketurunan India yang bekerja di estet getah milik Tuan Booth.

Kisah diteruskan dengan pengenalan watak Ahmad Mutawakkil yang menumpang banglo Tuan Booth serta berpeluang belajar membaca dan menulis daripada Sandra, anak tuan punya estet getah itu setelah kematian bapanya Wak Sadir. Pada usia 15 tahun, Ahmad Mutawakkil menjadi penyampai maklumat terkini kepada orang kampung. Dua tahun kemudian dilantik menjadi pemimpin muda parti PEKEMBAR daerah.

Pelbagai konflik mula timbul apabila askar Jepun mendarat di Tanah Melayu pada 1941, menyebabkan Tuan Booth sekeluarga terpaksa meninggalkan estetnya. Hidup Ahmad Mutawakkil terbiar dan diambil menjadi anak angkat oleh Imam Ngah Deraman. Selepas kejatuhan Jepun ketokohan Ahmad Mutawakkil sebagai pejuang nasionalis Melayu terserlah khususnya melalui sesi pidato dan penulisannya dalam akhbar. Dalam diam Sandra rupanya menyimpan perasaan kasih kepada Ahmad Mutawakkil.

Pembabitan dalam perjuangan menimbulkan kerisauan kepada Penghulu Ibrahim Sigap dan Imam Ngah Deraman. Malah Tuan Booth juga pernah diancam oleh penganas komunis agar menasihati Ahmad Mutawakkil tidak menghasut rakyat membenci ideologi komunis.

Akhirnya perjuangan Ahmad Mutawakkil tiba ke puncak apabila didatangi oleh seorang budak lelaki di surau pada malam Jumaat selepas menyampaikan ceramah. Rentetan peristiwa tersebut membawa kepada kehilangan Ahmad Mutawakkil sehingga menimbulkan kerisauan kepada penduduk kampung termasuk Sandra.

Cerpen diakhiri dengan kematian Ahmad Mutawakkil di atas riba Imam Ngah Deraman akibat tembakan tiga butir peluru yang menembusi belakang bahunya dari jarak dekat. Pada 31 Ogos 1957 penduduk kampung mengadakan majlis doa kesyukuran sebagai tanda meraikan kemerdekaan tanah air dan bacaan tahlil mengenang perjuangan Ahmad Mutawakkil. Sandra kekal di kampung itu dan menyumbang bakti mengajar anak-anak penduduk kampung membaca dan menulis. Situasi ini kerana kenangannya dan kasihnya kepada Ahmad Mutawakkil tidak pernah padam.

**TEMA :**

***Kegigihan dan keberanian seorang pemuda yang menghadapi pelbagai cabaran dan tentangan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air.***

<b>PERISTIWA</b>	<b>PERSOALAN</b>	<b>PERWATAKAN</b>	<b>LATAR MASYARAKAT</b>	<b>NILAI</b>	<b>PENGAJARAN</b>
Tuan Booth bertindak membawa semua ahli keluarganya berpindah semasa penjajahan Jepun demi kasih sayangnya kepada keluarga	Persoalan tentang kasih sayang sesama ahli keluarga	Seorang yang penyayang <i>Tuan Booth</i>	Masyarakat yang penyayang	Kasih sayang	Kita hendaklah sentiasa mengukuhkan ikatan kasih sayang dalam keluarga
Masyarakat kampung yang sentiasa tabah dan sabar ketika menghadapi kesusahan hidup semasa penjajahan Jepun dan keganasan komunis	Persoalan tentang ketabahan dalam mengharungi pelbagai kesusahan semasa zaman perang.	Seorang yang tabah <i>Ahmad Mutawakkil</i>	Masyarakat yang tabah mengharungi zaman perang	ketabahan	Kita hendaklah tabah dalam mengharungi zaman /waktu kesusahan
Ahmad Mutawakkil seorang pemuda yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi untuk memerdekakan tanah air melalui pidato dan penulisan dalam menentang panjajahan Inggeris dan komunis.	Persoalan tentang semangat patriotisme yang tinggi dalam diri seorang pejuang tanah air	Seorang yang mempunyai semangat patriotism <i>Ahmad Mutawakkil</i>	Masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme untuk memerdekakan tanah air	patriotisme	Kita hendaklah mempunyai semangat patriotisme yang tinggi untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air
Sandra yang mencintai Ahmad Mutawakkil dalam diam sanggup menetap di kampung itu selepas kemerdekaan dan mengajar anak-anak kampung membaca dan menulis.	Persoalan tentang kisah cinta yang mendalam	Seorang yang penyayang <i>Sandra</i>	Masyarakat yang penyayang	Kasih sayang	Kita hendaklah setia apabila menyayangi seseorang dengan setulus hati
Ahmad Mutawakkil belajar membaca dan menulis dengan Sandra sehingga melayakkannya menjawat jawatan wartawan	Persoalan tentang kepentingan ilmu pengetahuan	Seorang yang berilmu <i>Ahmad Mutawakkil</i>	Masyarakat yang sedar akan kepentingan ilmu	Kebijaksanaan	Kita hendaklah sentiasa mencari ilmu demi memajukan bangsa

<b>PERISTIWA</b>	<b>LATAR MASA</b>	<b>LATAR TEMPAT</b>
Ahmad Mutawakkil melangkah dalam keadaan terhuyung-hayang dan jatuh tersemban di ribaan Imam Ngah Deraman kerana ditembak oleh komunis	Malam Jumaat bulan Ogos 1953	Surau kampung
5 orang komunis memasuki banglo Tuan Booth dan mendesaknya supaya menasihati Ahmad Mutawakkil agar tidak menghasut rakyat menentang komunis	Pukul 9 pagi Khamis	Banglo Tuan Booth
Seorang budak lelaki berbisik sesuatu kepada Ahmad Mutawakkil, yang membawa kepada kehilangan beliau seterusnya kematiannya.	11 malam	Surau
Penduduk kampung sembayang maghrib berjemaah	Senja	Surau

## CERPEN HIPERTENSI

### SINOPSIS

Aiman Aqil berehat di rumah banglo keluarganya yang terletak di lereng bukit yang telah gondol akibat kerja-kerja penerokaan dan aktiviti pembangunan.

Aiman mengimbas kembali pengajaran Cikgu Faridah tentang Teori Graviti oleh Isaac Newton. Semasa sesi pembelajaran tersebut, berlaku perdebatan idea antara Aiman dengan Cikgu Faridah menyebabkan kawan-kawannya menggelar Aiman sebagai profesor disebabkan kepintaran dan daya fikirnya yang tinggi.

Aiman juga teringat kembali perbuatannya yang gemar ponteng sekolah ketika di sekolah rendah akibat kebosanan oleh silibus sekolah rendah yang dianggapnya tidak setanding dengan keupayaan pemikirannya yang tinggi dan pintar.

Selain itu, Aiman juga gemar menyindir adik-adiknya, Fadilah Fatnin dan Azilah Atikah yang kurang bijak menyelesaikan masalah matematik. Kenakalan Aiman semakin menjadi-jadi apabila dia mula menyakat kawan-kawannya yang agak lambat menyiapkan latihan matematik. Hal ini menyebabkan guru kelasnya melaporkan perkara tersebut kepada ibu dan bapa Aiman. Akibatnya, Aiman dirotan oleh bapanya.

Ekoran daripada peristiwa itu, Aiman mengambil keputusan untuk ponteng sekolah kerana kesan lebam pada pinggulnya masih belum hilang. Kesempatan itu digunakan oleh Aiman untuk berhalusinasi tentang dunia penerokaan sains angkasa lepas yang amat diminatinya. Ketaksubannya terhadap bidang ini menyebabkan Aiman menjadikan pohon kelapa dara sebagai lokasi imaginasi dan keadaan ini telah diketahui oleh ibu bapanya. Kesudahannya, pinggul Aiman sekali lagi menerima habuan daripada bapanya.

Ketika usia remajanya, daya imajinasinya masih kuat sehingga menyebabkan dia ditampar sehingga menjadi gagap. Keadaan ini mendorong ibu bapanya menghantarnya menjalani latihan terapi bagi mengatasi masalah gagapnya. Akhirnya, Aiman insaf dan sedar akan tindakannya yang terlalu jauh berimaginasi. Hal ini setelah dia terdengar suara ghaib yang mengajaknya berpijak di bumi nyata dengan mendekati diri kepada Ilahi.

**TEMA :** Keinginan yang tinggi dalam bidang sains angkasa.  
 Aiman Aqil mengalami tekanan perasaan kerana minatnya yang mendalam dalam bidang sains angkasa sehingga dia sehingga berhalusinasi.

PERISTIWA	PERSOALAN	PERWATAKAN	LATAR MASYARAKAT	NILAI	PENGAJARAN
Aiman insaf atas kekekaannya berhalusinasi untuk menjadi angkasawan hingga tidak berpijak di bumi nyata. Dia bertekad untuk berubah dan mendekati diri dengan Allah.	Persoalan tentang keinsafan atas tabiat buruk yang suka berimaginasi	Seorang yang insaf atas tabiat buruknya	Masyarakat yang insaf atas tabiat buruknya	keinsafan	Kita mestilah menginsafi kekekaan yang telah dilakukan
Aiman bijak menyelesaikan latihan matematik murid Tingkatan 5 walaupun baru berusia 8 tahun Aiman bijak semasa berdebat dengan Cikgu Faridah tentang teori graviti	Persoalan tentang kebijaksanaan dalam pelajaran	Seorang yang bijak dalam pelajaran	Masyarakat yang bijak dalam pelajaran	Kebijaksanaan	Kita haruslah bijak dalam menyelesaikan masalah.
Bapa Aiman bertanggung jawab merawat masalah kegagapan Aiman dengan membawa Aiman menjalani latihan terapi.	Persoalan tentang tanggung jawab ibu bapa terhadap masalah anak-anak	Seorang bapa yang bertanggung jawab menyelesaikan masalah anak	Masyarakat yang bertanggung jawab menyelesaikan masalah anak-anak	Bertanggung jawab	Sebagai ibu bapa, kita perlulah bertanggung jawab terhadap masalah anak-anak
Bapa Aiman mengambil tindakan tegas dengan merotan Aiman atas kesalahannya yang membuat onar di dalam kelas	Persoalan tentang ketegasan ibu bapa dalam mendidik anak-anak	Seorang bapa yang tegas dalam mendidik anak-anak	Masyarakat yang tegas dalam mendidik anak-anak	Ketegasan	

PERISTIWA	LATAR TEMPAT	LATAR MASA
Aiman menyindir adik-adik perempuannya yang lambat menyelesaikan masalah matematik	Banglo keluarga Aiman	Malam
Aiman berhalusinasi dengan menjadikan pohon kelapa dara sebagai tempat berlepas ke angkasa dengan sebuah kapal angkasa Soyus	Pohon kelapa dara	Siang
Aiman mengganggu rakan-rakan sekelasnya yang sedang membuat latihan ketika sesi pembelajaran	Sekolah	Zaman sekolah rendah

## CERPEN GERHANA MANUSIA (AMINAH MOKHTAR)

### SINOPSIS

Mengisahkan Aku (Nusia) yang tidak berpuas hati apabila Doktor Murni ingin memasukkan darah kepada Tuan Besar Musa yang sedang koma di Wad Unit Rawatan Rapi. Aku beranggapan Tuan Besar tidak layak hidup kerana dia bukanlah seorang yang baik.

Sebenarnya Tuan Besar bukanlah seorang yang baik kerana dia koma disebabkan perbuatannya yang mengambil minuman keras selama bertahun-tahun. Selain itu, mereka telah memasukkan 50 pek darah dan sebanyak itu jugalah yang keluar.

Namun sebaliknya bagi Profesor Doktor Juaidi yang mempunyai kepentingan tersendiri yang mahukan Tuan Besar itu terus hidup. Aku merasakan terdapat nyawa lain yang lebih memerlukan darah tersebut. Misalnya seperti Solehah yang tenat akibatnya pundi janinnya pecah di ovari, Al-Hafiz patah riuk tulang selangkanya, bayi buangan yang kekeringan darah, gadis malang yang hampir mati serta mahasiswa yang mengalami leukemia.

Konflik timbul apabila Profesor Doktor Juaidi tetap mengarahkan mereka mendapatkan 10 pek darah untuk Tuan Besar sedangkan hospital telah kehabisan stok darah. Aku merasakan dunia ini tidak adil kerana orang lebih memerlukan darah tidak mendapatnya dan hanya diberi *gelafundin* (seakan-akan darah).

Tuan Besar Musa akhirnya gagal diselamatkan. Hal ini menyebabkan Doktor Juaidi berasa tertekan atas kematian Tuan Besar Musa kerana Kelab Elit mereka akan kehilangan tajaan sebanyak RM 100 ribu.

Doktor Murni mengambil keputusan dengan menyerahkan surat perletakan jawatannya di hospital itu atas dasar ingin menjadi doktor atas nilai kemanusiaan. Seterusnya doktor Murni mengajak Nusia ke bank darah mendermakan darah mereka kepada pesakit yang sedang koma di Unit Rawatan Rapi.

**TEMA**

**Sikap mementingkan ganjaran sehingga mengabaikan nilai kemanusiaan**

Profesor Doktor Juaidi mementingkan ganjaran dalam melaksanakan tanggung jawabnya sehingga mengabaikan nilai kemanusiaan terhadap pesakit di hospitalnya

PERISTIWA	PERSOALAN	PERWATAKAN	LATAR MASYARAKAT	NILAI	PENGAJARAN
Doktor Murni dan Nusia bertanggung jawab merawat semua pesakit tanpa mengira darjat dan pengkat	Persoalan bertanggung jawab dalam melaksanakan tugas	Seorang yang bertanggung jawab menjalankan tugas <b>Doktor Murni, Nusia</b>	Masyarakat yang bertanggung jawab menjalankan tugas	Bertanggung jawab	Kita perlulah bertanggung jawab dalam melaksanakan tugas
Doktor Murni dan Nusia prihatin terhadap Solehah yang sedang koma akibat pundi janinnya pecah di ovari dan memerlukan darah yang banyak. Oleh itu, mereka mengambil tiga pek darah daripada bank darah	Persoalan keprihatinan terhadap nasib yang menimpa orang lain	Seorang yang prihatin <b>Doktor Murni, Nusia</b>	Masyarakat yang prihatin terhadap orang lain	keprihatinan	Kita haruslah prihatin terhadap nasib orang yang dalam kesusahan
Doktor Murni sanggup mendermakan darahnya kepada pesakit yang sangat memerlukan darah di Unit Rawatan Rapi	Persoalan berbuat baik terhadap orang yang memerlukan bantuan	Seorang yang baik hati <b>Doktor Murni</b>	Masyarakat yang baik hati terhadap orang lain.	Baik hati	Kita mestilah berbuat baik terhadap orang yang memerlukan bantuan
Doktor Murni sanggup meletakkan jawatan sebagai doktor daripada melakukan ketidakadilan terhadap orang lain	Persoalan tentang keberanian membuat keputusan.	Seorang yang berani membuat keputusan <b>Doktor Murni</b>	Masyarakat yang berani membuat keputusan	Keberanian	Kita perlulah berani membuat keputusan.

PERISTIWA	LATAR TEMPAT	LATAR MASA
Nusia, Doktor Murni dan Profesor Doktor Juaidi berkerja untuk memastikan pesakit sembuh	Hospital	
Tuan Besar Musa dan beberapa orang pesakit yang sedang koma dirawat	Unit Rawatan Rapi	
Nusia berjumpa dengan juruteknik makmal darah untuk mengambil darah dan diberikan kepada empat orang yang sedang koma	Makmal darah	



## DRAMA BUKAN GILA (SHARIF SHAARY)

### SINOPSIS

Di wad sakit jiwa, Hospital Besar, Azmir sedang mendapat rawatan. Azmir sentiasa berkhayal tentang peranan Hamba dan Tuan Hamba. Azmir mendapati bahawa penderitaan Hamba merupakan satu kepuasan kepada Tuan dan Hamba. Seterusnya, Azmir berasa kesakitan yang tidak tertanggung. Ketika itu juga dia mengucapkan terima kasih kepada ibu dan ayah, akal, takdir dan manusia budiman. Ucapan terima kasih tersebut diucapkan kerana semuanya telah memberi sumbangan kepada Azmir kepada petani dan nelayan

Azmir juga berkhayal akan kehadiran Ani, kekasihnya. Azmir juga meminta Ani mengeluarkannya dari tempat itu tetapi Ani terus memujuk Azmir supaya terus tinggal di situ kerana mereka boleh bahagia.

Azmir berkhayal pula tentang kemunculan bapanya. Azmir meminta Ani menghalau bapanya kerana bapanya tidak sayang akannya. Azmir mengatakan bahawa ayahnya berbohong dan mereka bertengkar

Muncul pula khayalan tentang Pak Haji datang dan memberi salam. Mereka berdebat tentang hukum dan Pak Haji mempersoalkan nama Azmir yang telah diubah dan sikap manusia iaitu bercakap lain dan berbuat lain.

Ani muncul semula dan menyatakan bahawa Ani masih cintaakannya. Azmir mempersoalkan cinta Ani yang hanya bersikap luaran.

Azmir dikunjungi doktor. Setelah diperiksa, doktor membenarkannya bersiar-siar di luar. Azmir mengambil kesempatan ini untuk melarikan diri. Akhirnya, dia tiba di lokasi penggambaran drama Sasau. Perdebatan berlaku antara pelakon dan Arif tentang kekuasaan. Akhirnya Azmir memberikan pendapat bahawa system prorakyat yang menentukan kekuasaan bukan wang atau fikiran. Ketika ini, kepala Azmir berasa sangat sakit

Dia menyatakan bahawa penyakitnya adalah betul. Azmir ditanya tentang gila dan sebenarnya dia bukan gila tetapi suatu penderitaan yang tidak tertanggung. Kemudian dia menghantukkan kepalanya sehingga berdarah. Dia menderita sakit sehingga tidak terucap dengan kata-kata.

Kemudian, doktor datang dan membawa semula Azmir ke hospital. Arif dan rakan-rakannya memberitahu ibu bapa Azmir tentang

Keadaannya yang sebenar. Mereka meminta ibu bapa Azmir melawatnya sebelum terlambat. Arif juga menasihati ibu bapanya supaya memberi lebih kasih sayang kepada Azmir.

Di wad pesakit jiwa, Azmir teringat akan cintanya kepada Ani. Ketika itu dia lemah dan jatuh tersungkur.

Ani berada di rumah dan membaca berita tentang kematian Azmir seorang diri di wad. Kematian dia dikatakan berpunca daripada barah otak. Ani berasa bersalah.

**TEMA***Ketabahan seorang anak muda melawan penyakit yang dihidapi*

<b>PERISTIWA</b>	<b>PERSOALAN</b>	<b>PERWATAKAN</b>	<b>LATAR MASYARAKAT</b>	<b>NILAI</b>	<b>PENGAJARAN</b>
Azmir yang menghidap penyakit barah otak melawan penyakitnya itu bersendirian tanpa ibu dan ayahnya mengetahui tentang penyakitnya	Ketabahan seorang pesakit melawan penyakit	Seorang yang tabah	Masyarakat yang tabah	ketabahan	Kita hendaklah tabah menghadapi dugaan hidup
Azmir berterima kasih kepada ayah dan ibunya yang telah melahirkan dan membesarkannya.	Penghargaan seorang anak terhadap ibu bapanya	Seorang yang menghargai jasa	Masyarakat yang menghargai jasa	Mengenal jasa bertanggungjawab	Kita hendaklah mengenal jasa orang lain
Azmir mengucapkan terima kasih kepada petani, nelayan dan buruh perkasa yang telah membangunkan rakyat dan negara.	Penghargaan terhadap insan yang berjasa	Seorang yang menghargai jasa	Masyarakat yang menghargai jasa	Mengenal jasa	Kita hendaklah mengenal jasa orang lain
Azmir amat setia mencintai Ani tetapi Ani telah meninggalkannya sewaktu Azmir berhadapan dengan sakit barah otak	Kesetiaan seseorang terhadap kekasih	Seorang yang setia	Masyarakat yang setia	Kesetiaan	Kita hendaklah setia kepada seseorang
Azmir mempertikaikan sikap Pak haji yang sepatutnya prihatin terhadap penderitaan yang dilaluinya dan orang yang senasib dengannya	Prihatin terhadap masyarakat yang menghadapi masalah	Seorang yang prihatin	Masyarakat yang prihatin	Mengambil berat	Kita hendaklah prihatin terhadap masalah orang lain

## **PLOT**

### **Permulaan**

Watak Azmir yang berada di wad pesakit jiwa di Hospital Besar seorang diri dan sentiasa berada dalam khayalan.

### **Perkembangan**

Azmir sentiasa berkhayal akan kehadiran Ani, kekasihnya yang sudah meninggalkannya kerana Azmir dikatakan gila. Azmir juga berkhayal tentang kehadiran bapanya yang menziarahinya di wad. Azmir menuduh bapanya tidak menyayanginya kerana menghantarnya ke situ. Seterusnya, Azmir berkhayal pula tentang Pak Haji yang melawatnya di wad. Dia bertengkar dengan Pak Haji tentang Azmir yang menukar namanya kepada nama orang putih. Azmir berkhayal lagi tentang Ani yang muncul semula dan menyatakan bahawa Ani masih cinta akannya. Azmi rmempersoalkan cinta Ani yang hanya bersikap luaran.

Azmir dikunjungi doktor. Setelah diperiksa, doctor membenarkannya bersiar-siar di luar. Azmir mengambil kesempatan ini untuk melarikan diri. Akhirnya, dia tiba di lokasi penggambaran drama Sasau. Perdebatan berlaku antara pelakon dan Arif tentang kekuasaan. Akhirnya Azmi rmemberikan pendapat bahawa system prorakyat yang menentukan kekuasaan bukan wang atau fikir.

Ketikaini, kepala Azmir berasa sangat sakit. Dia menyatakan bahawa penyakitnya adalah betul. Azmir ditanya tentang gila dan sebenarnya dia bukan gila tetapi suatu penderitaan yang tidak tertanggung.

### **Klimaks**

Azmir menghantukkan kepalanya sehingga berdarah. Dia menderita sakit sehingga tidak terucap dengan kata-kata.

Kemudian, doktor datang dan membawa semula Azmir ke hospital. Arif dan rakan-rakannya memberitahu ibu bapa Azmir tentang keadaannya yang sebenar. Mereka meminta ibu bapa Azmir melawatnya sebelum terlambat. Arif juga menasihati ibu bapanya supaya memberi lebih kasih sayang kepada Azmir.

### **Peleraian**

Di wad pesakit jiwa, Azmir teringat akan cintanya kepada Ani. Ketika itu dia lemah dan jatuh tersungkur.

Ani berada di rumah dan membaca berita tentang kematian Azmir seorang diri di wad. Kematianannya dikatakan berpunca daripada barah otak. Ani berasa bersalah.

## **TEKNIK PLOT**

### 1. Dialog

- Contoh: 1. Dialog antara Azmir dengan Ani semasa Azmir berkhayal akan kehadiran kekasihnya.  
2. Semasa Azmir melakonkan watak Hamba dan Tuan Hamba

### 2. Monolog

- Contoh: 1. Azmir bercakap seorang diri di wad pesakit jiwa.

### 3. Imbas Kembali

- Contoh: 1. Bapa Azmir teringat akan waktu penyakit gila-gila Azmir berlaku.

### 4. Pemerian

- Contoh: 1. Pengarang memerihalkan keadaan Azmir yang sedang sakit.

## GAYA BAHASA

### 1. Perulangan

- Contoh: Duniaku ialah **kuasa**. **Kuasa** ialah duniaku. Dengan **kuasa**, dunia berada di bawahku. **Kuasa** mencipta **kuasa**.

### 2. Sinkope

- Contoh: Abang **dah tak** sanggup lagi..

### 3. Simile

- Contoh: Bapa pun **macam** doktor juga dan **macam** mereka semua

### 4. Simpulan Bahasa

- Contoh: gila-gila bahasa, berbesar hati, minta diri

### 5. Bahasa Arab


- Contoh: Assalamualaikum, Astaghfirullah


### 6. Bahasa Inggeris

- Contoh: realistik, sensitif, realiti, horizon

## NOVEL TIRANI

## SINOPSIS / BINAAN PLOT





**TEMA, PERSOALAN, NILAI, PENGAJARAN, LATAR MASYARAKAT DAN PERWATAKAN**

HURAIAN & PERISTIWA	PERSOALAN	NILAI	PENGAJARAN	LATAR MASYARAKAT	PERWATAKAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai pengusaha Chalet Tajau Emas, Waheeda Nurlyana telah berusaha sedaya-upaya untuk mengembangkan perniagaan di bawah sektor pelancongan itu. Waheeda turut menyediakan pakej pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan kepada pengusaha walaupun menerima saingan sengit daripada pengusaha hotel dan chalet yang lain.</li> <li>• Waheeda cekal mengharungi liku-liku yang manis dalam alam rumah tangganya bersama-sama dengan Zahid sehingga beroleh cahaya mata perempuan.</li> <li>• Kegigihan Waheeda dalam membina hubungan persahabatan turut. Waheeda gigih dan bijak berhadapan dengan sikap prejudis rakannya Bazilah yang mencemburui hubungan baiknya dengan tunangannya sendiri, Dr. Zahari.</li> </ul>	<p><b>Kegigihan</b> seorang wanita dalam menempuh berbagai-bagai cabaran dan dugaan.</p>	<p>Nilai Kegigihan</p>	<p>Kita hendaklah gigih dalam menempuh berbagai-bagai cabaran dan dugaan</p>	<p>Masyarakat yang gigih dalam menempuh cabaran dugaan.</p>	<p>Seorang yang gigih - Waheeda</p>
HURAIAN & PERISTIWA	PERSOALAN	NILAI	PENGAJARAN	LATAR MASYARAKAT	PERWATAKAN

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Raidah, ibu Waheeda berusaha dan sanggup pergi ke Singapura semata-mata untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.</li> <li>• Raidah sanggup menemani Waheeda ketika mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling atas penyakit kemurungannya di Pusat Rawatan Islam. (PUSRAWI) K.L.</li> <li>• Datin Hazirah membawa seimbangan bunga dan sekeping kad ucapan yang kononnya daripada Zahid untuk menjaga perasaan menantunya, Waheeda.</li> <li>• Waheeda yang terlalu mencintai suaminya telah mengalami masalah kemurungan dan migran meroyan akibat tindakan Zahid yang menceraikannya.</li> </ul>	<p><b>Persoalan kasih sayang</b> seorang ibu terhadap anak kandungan</p> <p>Persoalan kasih sayang seorang isteri terhadap suami</p> <p>Persoalan Kasih sayang ibu mentua kepada menantu</p> <p>Persoalan kasih sayang seorang anak kepada ibunya.</p>	<p>Nilai kasih saying</p>	<p>Kita hendaklah mengamalkan nilai kasih sayang untuk mempererat hubungan antara ahli keluarga.</p>	<p>Masyarakat yang mengamalkan nilai kasih sayang dalam kehidupan</p>	<p>Seorang yang penyayang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Raidah</li> <li>- Datin Hazirah</li> <li>-Waheeda</li> <li>- Izzati</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waheeda membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan</li> </ul>	<p><b>Persoalan keberanian</b></p>	<p>Nilai Keberanian</p>	<p>Kita hendaklah berani menghadapi risiko</p>	<p>Masyarakat yang berani mengambil</p>	<p>Seorang yang berani:</p>



siswazah, Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, Abdul Aziz Imran.	mengambil risiko untuk memajukan perniagaan.		dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.	risiko dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.	- Waheeda Nurlyana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waheeda bijak mengatasi masalah kemurungannya dengan mendapatkan rawatan dan khidmat pakar kaunseling Dr. Qamariah di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI Kuala Lumpur)</li> <li>• Waheeda mendapat khidmat kawannya Nurjihan untuk menyerahkan sampel rambut suami, Izzati dan dirinya sendiri untuk membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati adalah anak kandung mereka.</li> <li>• Pak Cik Aziz meminta Waheeda dan Ghazi mengambil alih perusahaan Chalet Iwana-Iwani sebelum pihak bank menyita segala aset perniagaan beliau.</li> </ul>	<b>Persoalan kebijaksanaan</b> berikhtiar dalam menyelesaikan masalah	Nilai Kebijaksanaan	Kita hendaklah bijak dalam mencari ikhtiar menyelesaikan masalah yang dihadapi.	Masyarakat yang bijak bertindak dalam menyelesaikan masalah.	Seorang yang bijak bertindak: - Waheeda Nurlyana - Pak Cik Aziz
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waheeda tegas dan nekad dengan keputusannya untuk melakukan</li> </ul>	<b>Persoalan ketegasan</b> dalam	Nilai Ketegasan	Kita hendaklah tegas dalam membuat	Masyarakat yang tegas dalam	Seorang yang tegas :

<p>rekonsitraksi pada bahagian mata dan hidungnya walaupun bercanggah dari sudut agama Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Waheeda bertegas tidak mahu menerima cadangan bapa mentuanya Datuk Yasser untuk menggabungkan perusahaan Seri Gading-Tajau Emas</li> </ul>	membuat tindakan dan keputusan		tindakan dan keputusan.	membuat tindakan dan keputusan.	- Waheeda Nurlyana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai ibu tunggal Waheeda tabah mendidik dan membesarkan anaknya Izzati sejak lahir di samping menguruskan perniagaan pelancongannya setelah diceraikan oleh suaminya Zahid.</li> <li>• Waheeda tabah dan bersabar menghadapi karenah suaminya Zahid yang kuat cemburu dan panas baran.</li> </ul>	<b>Persoalan ketabahan</b> menghadapi keruntuhan dalam rumah tangga	Nilai Ketabahan	Kita hendaklah tabah berhadapan dengan masalah dalam kehidupan seharian.	Masyarakat yang tabah menghadapi dalam kehidupan khususnya dalam rumah tangga	Seorang yang tabah : - Waheeda Nurlyana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waheeda sabar apabila dituduh oleh suaminya Zahid mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain hanya kerana sikap ramah dan mesra Waheeda yang mengingati di chalet mereka.</li> </ul>	<b>Persoalan kesabaran</b> menghadapi dugaan dalam kehidupan.	Nilai kesabaran	Kita hendaklah sabar dalam menghadapi dugaan agar dapat meneruskan hidup dengan tenang.	Masyarakat yang sabar menghadapi tuduhan tanpa usul periksa.	Seorang yang sabar : - Waheeda Nurlyana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waheeda meminta Izzati menggantung Kain Pua Kumbu sarawak di atas pintu masuk</li> </ul>	<b>Persoalan menghargai budaya dan warisan</b>	Nilai Menghargai	Kita hendaklah menghargai budaya dan warisan bangsa	Masyarakat yang menghargai budaya dan	Seorang yang menghargai budaya dan

<p>Restoran Iwani dan Kafe Iwani di Chalet Aya –Sajinah, Camerons Highlands untuk mengekalkan budaya dan warisan peribumi Sarawak.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Emak Waheeda Iaitu Raidah menyediakan hidangan tradisional masyarakat Sarawak contohnya pansuh manok, terubuk panggang , dan bubur pedas untuk hidangan para tetamu yang menginap di chalet mereka.</li> <li>• Waheeda memilih untuk mengenakan pakaian Cheongsam Brooked Merah ketika menyertai Pertandingan Ratu Pelancongan Antara bangsa yang akan diadakan pertengahan bulan, di The Four Seasons Hotel.</li> </ul>	<p><b>bangsa.</b></p>		<p>supaya tidak ditelan zaman.</p>	<p>warisan bangsa.</p>	<p>warisan bangsa:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Waheeda Nurlyana</li> <li>- Raidah</li> <li>- Izzati</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Zahid mengakui kesalahannya dan menangis teresak-esak kerana menyesal atas perbuatan lampainya menceraikan Waheeda tanpa usul periksa dan mempertikaikan status kelahiran anak kandungnaya, Izzati.</li> </ul>	<p><b>Persoalan keinsafan</b> terhadap kesilapan masa lalu akibat tindakan terburu-buru.</p>	<p>Nilai Keinsafan</p>	<p>Kita hendaklah mengakui kesalahan yang telah dilakukan untuk memulihkan kekeruhan dalam sesuatu hubungan.</p>	<p>Masyarakat yang insaf terhadap kesilapan masa lalu.</p>	<p>Seseorang yang menyesal dan insaf akan kesilapan yang telah dilakukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Zahid</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waheeda telah dikunjungi oleh sahabat lamanya setelah 10 tahun tidak bersua.</li> </ul>	<p><b>Persoalan hubungan persahabatan</b> yang erat dan utuh.</p>	<p>Nilai Setiakawan</p>	<p>Kita hendaklah menghargai hubungan persahabatan yang</p>	<p>Masyarakat yang menghargai hubungan persahabatan.</p>	<p>Seorang yang menghargai hubungan persahabatan :</p>

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bazilah telah membenarkan Waheeda tinggal bersama-sama dengannya ketika berada di Singapura. Bazilah sentiasa menemani Waheeda ketika pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan.</li> <li>• Waheeda terkenang kembali keakraban ketika bersama-sama sahabatnya Bazilah setelah dia berpindah dari rumah Pangsa Yishun ke Hotel Flamingo</li> </ul>			terjalin agar ukhuwah berpanjangan.		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Waheeda Nurlyana</li> <li>- Bazilah</li> <li>- Nasuha</li> <li>- Nurjihan</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waheeda berkeinginan untuk membuat pembedahan kosmetik pada hidungnya yang pesek walaupun tidak mendapat persetujuan daripada ibu bapanya.</li> </ul>	<b>Persoalan bersyukur</b> atas ciptaan tuhan	Nilai Bersyukur	Kita hendaklah bersyukur atas kurniaan ciptaan tuhan agar tidak mudah berasa rendah diri.	Masyarakat yang tidak bersyukur atas kurniaan ciptaan tuhan.	Seorang yang tidak bersyukur atas kurniaan ciptaan tuhan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Waheeda Nurlyana</li> </ul>

## TEKNIK PLOT

TEKNIK	HURAIAN DAN CONTOH
IMBAS KEMBALI - Ingatan	1. Waheeda <b>teringat</b> akan kain sarung birunya terbelah sehingga paras peha seperti busana cheongsam

<p>sesuatu watak terhadap peristiwa atau kejadian yang telah berlaku atau yang telah dialami</p>	<p>kerana mengejar rakan-rakan sekolahnya yang selalu mengejeknya berhidung pesek.</p> <p>2. Waheeda <b>terkenang</b> kata-kata semangat ayahnya yang semasa dia dan Ghazi berada dalam kereta sewaktu perjalanan pulang dari banglo mewah Pak Cik Aziz. Ayahnya mengatakan bahawainsan tanpa kejayaan umpama mati sebelum ajal.</p>
<p><b>IMBAS MUKA</b> – Teknik atau cara mengarang memberikan bayangan awal atau ramalan tentang sesuatu peristiwa yang berlaku kesan daripada aksi-aksi watak dalam cerita berkenaan.</p>	<p>1. Bazilah berasa gerun semasa <b>membayangkan</b> keadaan meja bedah dan alat perkakasan yang lazim digunakan semasa sesi pembedahan dijalankan sewaktu mendengar penerangan tentang prosedur pembedahan dari Dr Zahari.</p> <p>2. Semasa menantikan kedatangan doktor untuk menjalankan pembedahan ke atas Waheeda, dia <b>membayangkan keadaan</b> dirinya disembelih hidup-hidup semasa proses pembedahan itu nanti.</p> <p>3. Waheeda <b>membayangkan suasana</b> mesra yang berlaku sesama kakitangan di Chalet Tajau Emas yang sedang belajar menganyam kelonsong ketupat lepas daripada ibunya, Raidah ketika dia membaca kiriman e-mel yang dihantar oleh sepupunya, Fatimah.</p>
<p><b>SASPENS-</b> peristiwa dalam novel yang menimbulkan keadaan tertanya-tanya atau perasaan ingin tahu daalm kalangan pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku selanjutnya.</p>	<p>1. Peristiwa monyet berhidung besar atau monyet Belanda yang menyerang Chalet Tajau Emas menyebabkan suasana menjadi kelam-kabut apabila penghuni dan pekerja-pekerja lari bertempiaran untuk menyelamatkan diri daripada digigit monyet itu. Monyet itu telah menyerang dan mengigit muka Waheeda. <b>Pembaca tertanya-tanya apakah yang akan terjadi</b> kepada Waheeda. Akhirnya Waheeda di bawa Hospital oleh Raidah dan Fadhil. Dr Zakaria telah menjahit luka pada kulit pipi dan hidung Waheeda.</p> <p>2. Peristiwa tulang rawan hidung Waheeda dirasakan runtuh akibat demam selepas, walhal tarikh pertunangan Waheeda dan Zahid hampir tiba. <b>Pembaca tertanya-tanya, adakah</b> sempat hidung Waheeda pulih sebelum pertunangannya? Akhirnya majlis pertunangan Zahid dan Waheeda terpaksa dibatalkan dan</p>

	<p>digantikan dengan majlis pertunangan Ghazi dan Fatimah.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Peristiwa Zahid menemui Waheeda di salah sebuah bilik penginapan penghuninya di Chalet Tajau Emas mewujudkan perasaan cemburu dan salah sangka Zahid. <b>Pembaca tertanya-tanya, adakah</b> rumah tangga Zahid dan Waheeda bertahan atau tidak disebabkan perasaan cemburu buta Zahid. Akhirnya, rumah tangga mereka tidak bertahan, Zahid menceraikan Waheeda dengan talak satu.</li> <li>4. Peristiwa ketika keputusan DNA anak Waheeda dikeluarkan. <b>Pembaca tertanya-tanya, adakah</b> Izzati anak kepada Zahid atau tidak ? Akhirnya keputusan itu mengesahkan bahawa Izzati ialah anak kandung Zahid.</li> <li>5. Peristiwa Zahid pertama kali Zahid melihat anak mereka Izaati. <b>Pembaca tertanya-tanya, apakah</b> penerimaan Zahid terhadap anak itu. Akhirnya Zahid tidak dapat menerima hakikat Izzati adalah anak kandung memandangkan anak itu tidak mempunyai ciri-ciri persamaan dengannya.</li> </ol>
<p><b>KEJUTAN</b> - Perubahan dalam urutan peristiwa yang berlaku secara tiba-tiba tanpa di duga oleh pembaca / watak.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peristiwa serangan monyet Belanda di Chalet Tajau Emas. <b>Pembaca tidak menyangka</b> bahawa monyet-monyet itu bertindak agresif hingga sanggup mencederakan orang-orang yang berada di situ, iaitu Waheeda.</li> <li>2. Peristiwa Waheeda akan menjalankan pembedahan di Singapura. <b>Pembaca terkejut</b> ibu Waheeda , datang ke Singapura dan sudah berada di hadapan rumah Waheeda, sedangkan pada awal cerita ibu Waheeda tidak bersetuju dengan hasrat Waheeda itu.</li> <li>3. Peristiwa Izzati dan Zahid bertanyakan nama ibu Izzati. Izzati menyatakan ibunya bernama Waheeda Nurliyana. <b>Zahid berasa terkejut</b> bahawa di hadapannya ialah anak kandungnya yang sekian lama ingin ditemunya.</li> <li>4. Peristiwa Waheeda menunjukkan keputusan DNA kepada Zahid. <b>Pembaca terkejut</b> dengan tindakan</li> </ol>

	<p>Zahid mempertikaikan keputusan DNA yang ditunjukkan oleh Waheeda. Zahid telah menuduh Waheeda bersubahat dengan pakar DNA.</p> <p>5. Peristiwa Waheeda sangat sedih kehilangan suami. <b>Pembaca terkejut</b> kerana tidak menyangka waheeda mengalami tekanan perasaan sehingga meracau dan bercakap yang bukan-bukan.</p>
<p><b>MONOLOG / MONOLOG DALAMAN</b>– kata hati atau pengucapan batin sesuatu watak, sama ada ditujukan kepada orang lain atau dirinya sendiri.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Waheeda <b>bermonolog</b> ketika teruja dan seronok untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya. Waheeda berbisik dalam hati bahawa kalau boleh hendak menjalani pembedahan plastik sekarang juga.</li> <li>2. Waheeda <b>bermonolog</b> untuk memujuk nafsunya bahawa pemergiannya ke Singapura adalah untuk melakukan pembedahan pada wajahnya dan bukannya untuk membeli- belah.</li> <li>3. Waheeda <b>bermonolog</b> dengan memperli perwatakan Zahid yang dilihatnya amat berbeza pada waktu itu dan hari semalamnya. Dalam fikirannya semalam Zahid seperti robot, tetapi hari ini bukan main ligat macam gasing.</li> </ol>

## GAYA BAHASA

GAYA BAHASA	HURAIAN DAN CONTOH
<b>DIKSI BAHASA INGGERIS</b>	All Yahoo! Health, Shopping Mall, Weeping willow , Gentleman , Baby , Business , Coffee house, Erectile Dysfunction

<b>DIKSI BAHASA ARAB</b>	Al-Fatihah , Subhanallah , Wallahuaklam bissawab , Insyah-Allah , Assalamualaikum, Bismillah
<b>DIKSI MELAYU SARAWAK</b>	Kerisit kerumun, tekul, bertekul, ditekul, mereya , jembuk, nasi temuan.
<b>PERIBAHASA</b>  Peribahasa yang digunakan ialah simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, dan bidalan.	Simpulan bahasa <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Waheeda senyum kambing mengingatkan kain sarung...</li> <li>2. ...panjang learpula lontaran buah fikirannya...</li> <li>3. Waheeda digamit seronok berkawan dengan ulat buku...</li> <li>4. Kaumyang degil dan keras kepala ialah kaumAragon"...</li> </ol> Perumpamaan, pepatah dan bidalan <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Waheeda semakin terasa ada udang di sebalik batu.</li> <li>2. "Ikan di laut, asatn di darat, dalam periuk bertemu juga"...</li> <li>3. Waheeda dan Bazilah tidak keringgusi dibuatnya...</li> <li>4. Bagaikan pucuk dicita ulam mendatang, Waheeda...</li> <li>5. Bijak, bijak, mengangkat bakul sendiri</li> <li>6. 'Jauh di mata, namun dekat di hati, 'gesit Waheeda..</li> </ol>
<b>SIMILE</b>  Membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Perbandingan menggunakan perkataan <i>seperti</i> , <i>bagai</i> , <i>bak</i> , <i>laksana</i> , <i>umpama</i> , <i>macam</i> dan <i>ibarat</i> .	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. ...berlari ke rumah macam pelesit.</li> <li>2. Fatimah terus menghampiri meja pengurus Tajau Emas yang kelihatan ceria bagaikan bunga cina kembang pagi.</li> <li>3. Serta-merta timbullah gambaran dirinya seperti mumia Mesir kuno yangsedang berada di perbaringan untuk pameran...</li> <li>4. "Orang dulu-dulu memuji hidung bak seludang mayang, pipi bak pauh dilayang, memang banyak kiasnyaRaidah... )</li> <li>5. Kecantikan ibarat baranganyang mudah remuk.</li> </ol>
<b>PERSONIFIKASI</b>  Pemberian sifat manusia kepada benda-benda mati seperti objek atau benda.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiba-tiba pandangannya menyambar wajah Fatimah yang muncul dari balik dinding kaca.</li> <li>2. Rasa kesal mulai mengasak benak.</li> <li>3. Ciuman ibu berdecit singgah di pipi.</li> <li>4. Udara sejnk dan nyaman meramas kulit yang dibaluti blaus nipis.</li> <li>5. ...,pokok itu nampak sayu dan melankolik sekali,...</li> <li>6. Cengkerik yang berbenti menyanyi seketika kembali mengalunkan irama dalam simfoni orkestra malam</li> </ol>



	yang mungkin bersenandung sehingga pagi.
<p><b>METAFORA</b></p> <p>Perbandingan secara terus atau langsung <b>tanpa</b> menggunakan perkataan seperti, bagai, bak, laksana, umpama, macam, dan sebagainya.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. ...., dari suak dahi ke tebing dagunya.</li> <li>2. Beralun-alun wap keluar dari mulut buluh yang disumbat dengan pucukubikayu...</li> <li>3. Waheeda melangkah laju setelah tiketnya dikoyak, bcrjalan menelusuri jambatan udara untuk terus masuk ke perut pesawat.</li> <li>4. ... dia lelah berjaya keluar daripada rantai konvensional,...</li> <li>5. Terowong minda mengundang tafsiran saraf daripada renungan mata Zahid.</li> <li>6. Awan kumulus yang berarak dari barat tiba-tiba menutup wajah bulan.</li> <li>7. Lama Raidah termenung di tubir katilnya memikirkan,...</li> </ol>
<p><b>HIPERBOLA</b></p> <p>Hiperbola merupakan perbandingan yang digunakan untuk menyatakan sesuatu secara berlebih-lebihan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dura berpuing-puing di cepu kepala setelah menyelami hati nurani sepupunya.</li> <li>2. Hujan gerimis hilang di lautan senyap.</li> <li>3. Terasa sangat dadanya oleh dengupan jantung yang menendang- nendang rongganya.</li> <li>4. Kesan ubat penahan sakit yang meloyakan merobek-robek dadanya.</li> <li>5. Mereka sedang menyiapkan sarapan pagi bagi semua penghuni inap desanya sebelum matahari menyergah burni dengan kenytan sinarnya yang tiada tara mesranya itu.</li> </ol>
<p><b>PARADOKS</b></p> <p>Paradoks merupakan gaya bahasa yang mempertentangkan kata-kata dalam ayat.Paradoks juga memperlihatkan satu keadaan atau suasana yang berlawanan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Walaupun miskin barta tetapi orang Melayu memang kaya ketawa.</li> <li>2. Hati Waheeda dijentik sayu, namun semakin tabah setelah menerima sokongan keluarga sebagai doa dan harapan untuk dia keluar dari bilik itu dengan selamat.</li> <li>3. Waheeda cuba mengekel walaupun hati dijentik kesedihan oleb kejauh an yang memaksa.</li> <li>4. Seseorang akan hanya tabu akan nikmat sib at apabila berada dalam keadaan sakit,...</li> <li>5. Natijahnya sama seperti tidur sebantol tetapi mimpi lain-lain.</li> </ol>